

Nasihat PM kepada pekerja

# Amal budaya berkualiti

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Kerajaan mahu pekerja awam dan swasta di negara ini lebih komited kepada tugas masing-masing dan menghapuskan sikap bekerja untuk memenuhi syarat kerja saja.

Sehubungan itu, kerajaan akan membina lebih banyak pusat bina semangat bagi mewujudkan masyarakat yang mengamalkan budaya kerja berkualiti dan cemerlang, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, slogan 'pelanggan sentiasa betul' juga hendaklah menjadi amalan berterusan ke arah meningkatkan mutu perkhidmatan dan barangan.

"Negara yang ekonominya tidak maju tidak pernah mempunyai pekerja bergaji tinggi. Oleh itu, kita perlu memberi keutamaan kepada kualiti dalam apa juga kerja yang kita buat kerana hanya kualiti yang tinggi dengan harga yang selaras boleh menolong kita bersaing dengan jayanya dalam pasaran dunia.

"Jika kita bekerja semata-mata untuk memenuhi syarat kerja saja, lambat laun kita akan kecewa kerana pertumbuhan ekonomi akan terjejas dan ini menyebabkan pertambahan pendapatan sukar diperolehi.

"Sebaliknya, jika kita bekerja untuk memenuhi kehendak pelanggan, kemungkinan berjaya dalam pemasaran adalah cerah," katanya di majlis penyampaian anugerah 'Kualiti Perdana Menteri 1990' di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, konsep pelanggan itu hendaklah diubahsuai, dengan mengambil kira pekerja yang lain juga sebagai pelanggan, di samping orang awam.

"Ini bermakna, jika kita bekerja sebagai pekerja bahagian pemasangan, kerja yang kita buat mestilah berkualiti supaya pekerja yang menerima hasil kerja kita itu tidak mendapati sebarang kecacatan dalam kerja berkenaan.

"Dengan itu, kualiti akan dapat dijaga sepanjang masa dan ini akan mengurangkan kerja yang cacat sehingga sampai ke tahap kosong peratus," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, walaupun bekerja dengan cermat itu mungkin pada mulanya akan melambatkan proses dan menurunkan produktiviti, namun lambat laun ia akan memberikan pulangan hasil yang memuaskan.

"Kelok pembelajaran adalah suatu fenomena yang terkenal dan kita tidak harus mengorbankan kualiti kerana ingin mem-

percepatkan proses kerja," katanya.

Perdana Menteri seterusnya berharap budaya kerja yang berkualiti dan cemerlang akan menjadi budaya hidup rakyat Malaysia yang hakiki bagi mencapai kualiti kehidupan yang gemilang.

Menurutnya, rakyat Malaysia tidak sepatutnya berpuas hati dengan kejayaan yang sudah dicapai setakat ini kerana banyak lagi kejayaan yang perlu dikejar dan diterokai.

"Kita perlu ingat bahawa gerakan kualiti tidak ada had dan akhirnya. Begitu juga dengan gerakan budaya kerja cemerlang bukanlah suatu kempen yang singkat dan anugerah Kualiti Perdana Menteri adalah satu mengiktiraf usaha itu," katanya.

Sementara itu, Datuk Seri Dr Mahathir memberitahu pemberita kemudian, bilangan pusat bina semangat yang ada sekarang tidak mencukupi kerana ia hanya mampu melatih 9,000 pekerja setahun.

"Kita akan minta peruntukan khas daripada Kementerian Kewangan bagi membiayai kursus di pusat berkenaan, termasuk mengambil tenaga profesional untuk memberi latihan yang lebih berkesan," katanya.